



Pemegang saham Ireka luluskan terbitan hak

MUKA 23

PROJEK
pembinaan The Ruma Hotel & Residence di Jalan Kia Peng, Kuala Lumpur yang dijalankan oleh Ireka Corporation Bhd.



Pemegang saham Ireka luluskan terbitan hak

KUALA LUMPUR 16 Mei - Ireka Corporation Bhd. (Ireka) yang tersenarai di Pasaran Utama menerima kelulusan pemegang sahamnya pada mesyuarat agung luar biasa (EGM) hari ini bagi cadangan pengumpulan dana menerusi terbitan

hak boleh boleh dilepaskan (renounceable rights issue).

Pengarah Eksekutif Ireka, Monica Lai Voon Huey berkata, cadangan terbitan dua hak belian dengan waran itu adalah bagi asas satu saham hak dengan satu waran percuma bagi setiap dua saham Ireka yang dipegang.

Menurutnya, cadangan terbitan korporat tersebut akan mengumpulkan hasil kasar segera kira-kira RM37 juta berdasarkan kepada harga indikatif belian pertama iaitu 65 sen bagi setiap hak saham.

Katanya, syarikat itu mungkin mengumpulkan hasil kasar tambahan RM56 juta selepas penerbitan penuh waran berdasarkan harga indikatif RM1 dan hasil tersebut akan digunakan bagi modal kerja Ireka dan anak-anak syarikatnya yang terlibat terutamanya dalam segmen pembinaan dan pembangunan hartanah.

"Kami menjangkakan tahun ini mungkin merupakan tahun yang agak sibuk bagi syarikat dengan projek pembinaan bernilai RM1.1 bilion yang telah dirancang dengan jumlah nilai pembangunan kasar sebanyak RM2.2 bilion, kami yakin syarikat mampu memperoleh kedudukan lebih baik pada tahun-tahun hadapan," katanya kepada perbita selepas mesyuarat agung luar biasa Ireka di sini hari ini.

Tambahnya, bagi sektor pembinaan, Ireka optimis untuk terus aktif memperoleh tender projek bagi mengembangkan profil syarikat dalam industri pembinaan.

Antara projek pembinaan yang dijalankan adalah 382 unit apartment Dwi@Rimbun Kasih di Nilai yang dijangka siap pada penghujung 2014 serta projek Ruma Hotel and Residence yang terletak di Jalan Kia Peng di sini.

Sementara itu, Pengurusnya, Abdulrah Yusof berkata, lembaga pengarah akan terus bekerja keras menggunakan modal daripada terbitan hak dengan baik bagi membina reputasi jangka panjang serta rekod prestasi yang lebih kukuh untuk kualiti dan penyampaian produk syarikat.

"Apa yang paling penting adalah untuk kami kekal membawa syarikat kembali mencatatkan keuntungan," jelasnya.